

SOALAN NO. 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ke Parlimen Penampang untuk tujuan pelaksanaan projek-projek kecil (tidak termasuk Lebuh Raya Pan Borneo dan Pelan Mitigasi Sungai Moyog) daripada tempoh Jun 2008 hingga ke Mei 2013 dan Jun 2013 hingga hari ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek kecil seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat di kawasan Parlimen Penampang bagi tempoh Jun 2008 hingga kini adalah berjumlah RM43.32 juta dengan bilangan sebanyak 1,203 projek/program.

Sekian, terima kasih.